

SUMBANGAN SYEIKH MOHAMED IDRIS ALMARBAWI DALAM DAKWAH ISLAMIYYAH DI MALAYSIA

Muhd Norazam Nordin
azamnordin@kuim.edu.my
Kolej Universiti Islam Melaka

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani
Universiti Kebangsaan Malaysia

Fatimah Nadirah Mohd Noor
Kolej Universiti Islam Melaka

Azmi Budin
Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Syeikh Mohamed Idris Al-Marbawi merupakan pendakwah yang mashur di alam melayu. Beliau telah memberi sumbangan yang amat bermakna kepada umat Islam khususnya masyarakat melayu. Oleh itu penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti sumbangan beliau ke arah perkembangn dakwah Islamiah di Malaysia. Untuk mencapai tujuan tersebut, penggunaan metodologi kajian perpustakaan digunakan secara meluas dengan mengeluarkan sumbangan beliau dalam bentuk yang pelbagai terutamanya penyebaran dan pembentukan pelaksanaan dakwah secara menyeluruh. Antara persoalan yang ingin dilihat dalam penulisan ini ialah apakah sumbangan Syeikh mohamed Idris Al-Marbawi dalam pelaksanaan dakwah Islamiyyah di malaysi?, bagaimanakah bentuk pendekatan dalam menyampaikan dakwah dan apakah bentuk kejayaan yang dicapai dalam mendidik masyarakat kearah masyarakat yang direhdhoi. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa Syeikh Mohamed Idris Al-Marbawi telah memberikan sumbangan yang begitu besar terhadap perkembangan Islam di Malaysia. Ia juga boleh digunakan oleh para ulama' dan para pendakwah dalam menyampaikan dakwah dengan berkesan kepada masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata kunci: Dakwah, sumbangan, faktor, ulama', pelaksanaan

THE CONTRIBUTION OF SHEIKH MOHAMED IDRIS ALMARBAWI IN ISLAMIC MISSIONARY IN MALAYSIA

ABSTRACT

Sheikh Mohamed Idris Al-Marbawi is a preacher in the Malay world. He has made a significant contribution to Muslims especially the Malay community. Therefore, this paper aims to identify his contribution towards the development of Islamic missionary in Malaysia. To achieve these objectives, the use of the library study methodology is used extensively by issuing donations in various forms, particularly the dissemination and establishment of a comprehensive missionary work. Among the issues to be seen in this writing is whether the donation of Sheikh Mohamed Idris Al-Marbawi in the implementation of Islamic propagation in malaysi? How is the approach in communicating da'wah and what form of success is achieved in educating the society towards the direc society. The finding shows that Sheikh Mohamed Idris Al-Marbawi has contributed so much to the development of Islam in Malaysia. It can also be used by scholars and preachers to deliver the da'wah effectively to the plural society in Malaysia.

Key words: Preach, contributions, factors, scholars, implementation

PENDAHULUAN

Mohamed Idris Al-Marbawi merupakan seorang tokoh ulama di nusantara atau alam Melayu secara khususnya yang terbilang dan termasyur disebabkan sumbangan yang amat besar dalam medium penulisan. Kewibaan beliau yang terserlah melalui bidang penulisan dapat dibuktikan menerusi karya agung terjemahan beliau iaitu Bahrul Mazi yang mana masih digunapakai untuk pembelajaran di masjid dan surau di Malaysia sehingga ke masakini. Juga karya ini dijadikan rujukan untuk para pelajar yang mempelajari ilmu pengajian Islam.

Di Tanah Melayu karya terjemahan kitab Bahrul Mazi beliau adalah yang terawal ataupun boleh dikatakan sebagai perintis kepada karya-karya terjemahan yang wujud sekarang. Selain daripada itu, kamus yang dihasilkan beliau iaitu Kamus Idris Al-Marbawi (kamus bahasa Arab ke Melayu) merupakan kamus yang pertama di tanah Melayu yang mana masih digunapakai sehingga sekarang. Telah beberapa berulang kali diulang cetak untuk para pelajar yang mempelajari bahasa Arab. Pelbagai lagi sumbangan beliau terhadap perkembangan Islam di Malaysia dengan melahirkan anak murid yang ramai yang berwibawa dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah kepada masyarakat keseluruhannya.

Beliau begitu gigih dalam melaksanakan Islam dalam dirinya dan seterusnya menyampaikannya kepada orang lain dengan pelbagai cara. Hasil sumbangan beliau masyarakat malaysia dapat mengambil manfaat yang begitu besar terhadap sumbangan beliau kearah kehidupan lebih aman dibawah naungan Islam.

LATAR BELAKANG DAKWAH ISLAMIYYAH DI MALAYSIA

Dakwah mempunyai beberapa pengertian dan istilah, perkataan *dakwah* berasal daripada bahasa Arab. Antara pengertian dakwah dari segi bahasa yang biasa kita fahami ialah seperti meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru, dan melaung. Pengertian dakwah dari segi bahasa ialah berasal dari kata Arab seperti da'a, yad'u, da'watan yang membawa maksud menyeru, memanggil, mengajak, menjamu, memandu dan menjemput.

Manakala maksud dakwah dari segi istilah pula ialah mendorong manusia agar berbuat kebajikan dan petunjuk. Menyuruh mereka berbuat yang ma'ruf dan mencegah mereka daripada melakukan perbuatan mungkar, agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dalam erti kata yang lain pula, dakwah adalah mengajak umat manusia dengan hikmah dan kebijaksanaan untuk mengikuti petunjuk Allah dan Rasul-Nya

Sebagai umat Nabi SAW, seharusnya mengetahui tanggungjawap yang sangat besar iaitu dakwah, mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah pada yang munkar. Peranan ini telah dilaksanakan oleh para Rasul dan diteruskan oleh para sahabat, tabiin dan para ulama'. Mereka berusaha sedaya upaya menyampaikan dakwah islamiyyah kepada uamat manusia supaya mereka semua mendapat kebaikan hakiki yaitu keselamatan dunia dan akhirat.

RIWAYAT HIDUP MOHD IDRIS BIN 'ABDUL RAUF AL-MARBawi

Nama sebenarnya ialah Mohd Idris bin 'Abdul Rauf al-Marbawi dan digelar Idris al-Marbawi kerana al-Marbawi itu sempena menggunakan nama keturunannya. Allahuhyarham Syeikh Mohd Idris bin 'Abdul Rauf al-Marbawi adalah seorang ulama besar yang tidak asing lagi. Kemasyhurannya bukan sahaja di Nusantara malah di Mesir dan Mekah terutamanya dalam bidang bahasa Arab, hadis, tafsir, fekah dan sebagainya.

Syeikh Mohd Idris al-Marbawi dilahirkan pada 28 Zulkaedah 1313 Hijrah bersamaan 1893 Masihi di Makkah al-Mukarramah. Ketika berusia 10 tahun, beliau mampu menghafaz sebanyak 10 juzuk al-Quran di samping beberapa buah kitab lain. Pada tahun 1333 Hijrah / 1913 Masihi beliau pulang ke tanahair bersama keluarganya. Sekembalinya ke tanahair, Allahuhyarham Syeikh Mohd Idris al-Marbawi mendapat pendidikan pertama di Sekolah Melayu Lubuk Merbau, Perak.

Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian di beberapa buah sekolah pondok seperti Sekolah Pondok Syeikh Wan Muhammad di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Pondok Tuan Hussain al-Mas'udi di Kedah, Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Bukit Mertajam dan Pondok Tok Kenali di Kelantan. Setelah menamatkan pengajian, Syeikh Mohd Idris al-Marbawi bertugas sebagai guru agama di Perak.

Pada tahun 1924, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar Mesir dan berjaya mendapat *Ijazah 'Aliyah*. Semasa berada di Mesir, satu kesedaran mengenai pendidikan anak bangsanya di Tanah Melayu mula tumbuh dalam dirinya. Ketika itulah beliau mula menyusun kamus Arab/Melayu atau lebih dikenali sebagai *Kamus Idris al-Marbawi* yang diterbitkan pada tahun 1937. Sehingga sekarang kamus itu sudah diulang cetak tidak kurang daripada 24 kali. Maka bermula dari sinilah beliau terus menerokai bidang penulisan yang lebih mencabar. Antara hasil karya beliau ialah kitab *Bahrul Mazi* yang membincarkan 8200 permasalahan agama dan hal ehwal dunia akhirat. Syeikh Mohd Idris al-Marbawi juga telah menghasilkan beberapa kitab tafsir al-Quran dalam Bahasa Melayu. Antaranya ialah *Tafsir Quran Marbawi*, *Tafsir Quran Nurul-Yaqin* dan *Tafsir Surah Yasin* juga beberapa karya yang lain yang bertajuk *Bulughul Maram*, *Mu'jam al-Ka'inat*, *Jami'ul Ulum*, *Usul al-Islam*, *Nizamul Hayah*, dan banyak lagi.

Beliau meninggal dunia tidak lama selepas menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah. Allahyarham telah meninggalkan seorang anak, tiga cucu dan lima cicit. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan orang-orang Islam di Kampung Lubuk Merbau iaitu bersebelahan dengan pusara isteri pertamanya Hajjah Khadijah bt. Mohd Edham. Namun pemergian beliau masih dikenang hingga kini, dan namanya sentiasa disebut oleh masyarakat Islam kini sama ada muda ataupun golongan tua. Ini kerana sumbangan yang besar dan terpenting yang disumbangkan oleh beliau yang mana telah menghasilkan *Kamus al-Marbawi*. Kamus ini terus dikenang dan digunakan oleh para pelajar dalam apa jua bentuk pengajian sama ada peringkat rendah mahupun tinggi dan dapat dilihat sehingga kini.

SUMBANGAN DAKWAH IDRIS AL-MARBAWI

Penggunaan usul dakwah yang berkesan. Bagi memastikan mesej dakwah yang memberi impak, maka para dai'e mestilah memastikan asas usul dakwah itu dipraktikkan. Antara asas tersebut adalah seperti penjelasan dan penerangan yang wadhih (jelas) dan nyata atau dalam ertikata sebenar tidak menggunakan penjelasan yang kabur. Ianya juga mestilah dilakukan secara beransur-ansur (tadarruj) dan tidak sekali gus yang mana ianya bersesuaian dengan keadaan sasaran.

Bagi memantapkan lagi uslub dakwah,maka para dai'e semestinya menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan yang utama untuk bertindak. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Nahl yang bermaksud “Serulah kepada jalan Tuhan Mu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbincanglah dengan cara yang paling sesuai”. Tiga asas uslub dakwah yang disebut dalam hadis tersebut,iaitu dengan cara hikmah, nasihat yang baik, dialog dengan cara yang terbaik.

Penggunaan Uslub Dakwah Yang Sesuai

Penggunaan uslub yang sesuai amat penting dalam menyampaikan dakwah kerana ia merupakan pengukur kepada madu terhadap dakwah yang disampaikan. Para ulama' amat menekankan penggunaan uslub yang sesuai mengikut tahap madu supaya segala apa yang akan disampaikan lebih mudah diterima.

Sehubungan dengan itu, para nabi amat mementingka penggunaan uslub yang melembutkan jiwa sebagaimana Nabi Ibrahim menyampaikan dakwah kepada bapanya dengan panggilan manja “wahai bapaku”, Lukmanul Hakim menasihati anaknya dengan panggilan “wahai anakku”, Nabi Nuh memanggil anaknya yang hamper tenggelam dengan panggilan “wahai Anakku”. Penggunaan bahasa sedemikian amat penting dalam konteks dakwah Islamiyyah. Di dalam al-Quran Allah SWT berfirman

Yang bermaksud “Wahai Tuhanku! Lapangkanlah dadaku. Dan mudahkanlah bagiku urusanku. Dan bukakanlah simpulan dari lidahku. (Supaya) mereka memahami perkataanku. (Toha ayat 25)

Petikan ayat dari surah Toha jelas menujukkan keperluan lidah yang fasih dalam proses berdakwah. Nabi Musa AS telah memohon kepada Allah SWT agar dikurniakan lidah yang fasih tatkala berhadapan dengan Firaun agar proses dakwah baginda Nabi SAW berjalan lancar dan dapat difahami. Jelas dalam soal ini, kita mendapati bahawa keperluan lidah yang fasih amat penting kepada seorang dai'e. Dalam proses dakwah segala wadah perlu digunakan bagi mendapatkan kesan yang baik. Dalam proses dakwah komunikasi tidak dapat tidak mesti berlaku. Dalam hal ini, keberkesanan proses komunikasi amat berkait rapat dengan kemahiran berbahasa. Tanpa kemahiran berbahasa proses komunikasi akan pincang dan tidak berkesan.

Begitu juga yang diketengahkan oleh al-Marbawi dalam penulisan beliau dengan menggunakan “wahai saudaraku” dalam keseluruhan kitab hadis Bahrul Mazi. Begitu juga menggunakan panggilan manja kepada anak muridnya semasa mengajar ataupun apabila bertemu dengan panggilan “wahai kekasihku” sebagaimana ayat biasa yang digunakan oleh orang arab ketika memanggil mereka yang disayangi.Beliau juga menekankan dalam penulisan mengikut uslub bahasa pada zaman tersebut.

Al-Marbawi juga menggunakan dan mengekalkan kalimah Arab (kalimah jawi) dalam penulisan terjemahan karya beliau. Ini kerana pada waktu tersebut bangsa Melayu masih boleh membaca dan memahami perkataan Arab. Ini adalah salah satu kelebihan Al-Marbawi dalam usaha dakwahnya menyeru orang ramai untuk terus menggunakan huruf-huruf Arab. Secara tidak langsung ianya membantu mereka supaya lebih mudah mengenali dan membaca Al-Quran.

Penggunaan Bahasa Tempatan (Loghat Atau Dialek Utara)

Seperti Kitab Bahrul Mazi yang disyarahkan menggunakan dialek atau loghat utara. Ini kerana beliau ingin memaham dan menjelaskan segala ilmu dan hukum-hakam dalam agama kepada kaum kerabat serta saudara mara yang terdekat. Dengan menggunakan bahasa dialek setempat ini, ianya dapat memikat hati mereka dan mudah bagi mereka untuk memahami isi hukum hakam agama kerana dialek setempat ini sebatی dalam jiwa mereka.

Begitu juga ketika beliau mengajar. Beliau menggunakan bahasa Melayu dengan dialek setempat. Ini kerana majoriti mad'u (sasaran dakwah) beliau terdiri dari kalangan bangsa Melayu.

Penggunaan Wasail Dakwah Yang Pelbagai

Kesungguhan al-marbawi dalam menyampaikan dakwah lebih terserlah lagi apabila beliau menggunakan pelbagai cara dalam menyampaikan kefahaman islam yang sebenar kepada masyarakat. Antara cara yang digunakan beliau dalam menyampaikan dakwah seperti :

1. Pengajaran/Pendidikan

Syeikh Mohd Idris al-Marbawi bertugas sebagai guru agama di Perak sebelum melanjutkan pelajaran ke Mesir.

2. Penulisan

Syeikh Muhammad Idris bin Abd Rauf al-Marbawi (m.1989M) Penyusun Qamus al-Marbawi yang merupakan murid dari Haji Awang Muhamad Yusuf Kenali (Tok Kenali) (m.1933M) telah menghasil Bahr al-Madhi li Syarh Mukhtasar al-Tirmidhi yang dikira diantara karya besar yang dihasilkan oleh ulama Nusantara. Karya ini telah diterbitkan oleh Matba`ah Mustafa al-Babi di Kaherah pada 1933M. Beliau juga telah menterjemah Bulugh al-Maram susunan Ibn Hajar al-`Asqalani yang selesai diterjemah pada 1964M dan dicetak di Matba`ah al-Anwar al-Muhammadiyyah, Mesir dan pernah juga diterbitkan oleh Syarikat Muhammad al-Nahdi, Bangkok tanpa disebut tarikh ia diterbitkan.

Selain kamus Arab-Melayu, al-Marbawi juga telah menghasilkan karya yang penting dalam bidang hadith. Antara tulisan beliau dalam bidang ini ialah Bahr al-Madhi yang merupakan ringkasan dan ulasan kepada sunan al-Tirmidhi. al-Marbawi juga turut menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu kitab Bulugh al-Maram iaitu sebuah karya hadith yang disusun berdasarkan bidang Fiqh oleh seorang tokoh Hadith tersohor iaitu Ibn Hajar al-Asqalany. Dua karya dalam bidang hadith berbahasa Melayu ini ialah antara karya yang penting, sulung, dan terbesar pernah dihasilkan oleh seorang ulama' Nusantara.

Dalam bidang Tafsir al-Quran pula, beliau telah menulis tafsir Surah Yasin, Tafsir al-Quran al-Marbawi, Tafsir al-Quran Nur al-Yakin, Terjemahan Tafsir Fath al-Qadir, Tafsir Juz Amma, Tafsir Al-Fatiyah, dan sebuah karya berjudul Quran Bergantung Makna.

Selain bidang tersebut, al-Marbawi juga telah menghasilkan tulisannya dalam bidang Fiqh, Aqidah, dan Falsafah. Antara tulisan beliau ialah kitab Asas Islam, Kitab Nizam al-Hayah, Kitab Pati Hukum-hukum Ibadah, Kitab Usul Islam Pada Membicarakan Mengambil Air Sembahyang, sebuah ensiklopedia yang dinamakan sebagai Kamus Segala Ilmu, karya berjudul Punca Agama, Perbendaharaan Ilmu, dan banyak lagi. Sheikh Muhammad Idris al Marbawi telah banyak menghasilkan ulama' ternama tanahair yang mana antara muridnya yang terkenal kini adalah Prof. Dato' Dr.Haron Din.

Mempunyai Sifat Murabbi

Sudah pasti bagi pendakwah yang berkaliber mempunyai perwatakan baik yang dapat menarik minat madu dalam proses pelaksanaan dakwah islamiyya. Tidak ketinggalan kepada al-Marbawi apabila beliau memiliki sifat murabbi yang dapat menarik minat anak muridnya kearah pemahaman apa yang dipelajari dan seterusnya mempraktikkan dalam kehidupan. Antara sifat murabbi beliau ialah:

1. Ikhlas dalam menyampaikan ilmu

Keikhlasan beliau dalam menyampaikan ilmu tidak perlu dinyatakan lagi. Ianya dapat dilihat daripada usaha dakwah dalam menyebarkan agama Islam melalui penulisan dan mengajar dengan tidak menetapkan sebarang bayaran. Beliau dilihat amat gigih dan berusaha sedaya mungkin untuk menyampaikan ilmu dalam apa juar keadaan.

2. Tawadhu

Al-Marbawi sememangnya seorang ulama yang begitu tawadhus. Ini dapat dilihat dalam tulisannya seperti mengaku beliau ada seorang al-faqir dan al-haqir. Ini menunjukkan beliau begitu merendah diri sedangkan orang ramai mengetahui beliau adalah seorang yang amat gigih dalam menuntut ilmu. Begitu juga kerendahan hati beliau dapat dilihat pada perwatakannya.

Dari sudut pemakainya juga kita boleh melihat dengan jelas dan terbukti betapa beliau sememangnya mempunyai kerendahan hati seperti mana ketika beliau menerima anugerah tokoh Maal Hijrah dan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Persuratan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

3. Kesungguhan dalam belajar dan penyebaran ilmu

Seperti yang dimaklumi, beliau adalah seorang yang bersunguh-sungguh dalam menyampaikan dan menyebarluaskan ilmu terhadap masyarakat. Lihat sahaja karya beliau seperti kamus dan juga kitab Bahrul Mazi. Beliau tidak berputus asa sehingga dapat mencapai matlamatnya untuk menterjemahkan kitab tersebut kepada bahasa Melayu. Begitu juga kamus yang beliau susun. Beliau amat tekun dan bersungguh sehingga kamus tersebut dapat dihasilkan dengan jayanya.

Sasaran Dakwah Yang Meluas

Sasaran dakwah beliau bukan untuk golongan tertentu sahaja bahkan meliputi seluruh peringkat lapisan masyarakat seperti Kamus al-marbawi sesuai untuk para pelajar dari sekolah rendah sehingga keperingkat universiti. Bahrul mazi sesuai untuk golongan dewasa dan orang tua. Pengajian beliau tidak dikhurasukan kepada golongan tertentu sahaja bahkan semua lapisan masyarakat berhak mendapatkannya. Ditambah lagi dengan kuliah beliau diadakan di tempat yang terbuka dan tidak dikenakan bayaran tertentu. Dengan itu beliau meninggalkan wasiat yang berharga yaitu ilmu yang bermanfaat buat seluruh manusia.

Anugerah

Al-Marbawi memberi sumbangan yang cukup besar dalam ilmu hadis. Beliau telah menterjemah banyak penulisan dalam ilmu hadis. Setelah mengkaji dan mengetahui tentang Al-Marbawi, ternyata tiada siapa yang mampu untuk mengatasi kehebatan beliau dari sudut ilmu dan pengalaman pada zaman itu di tanah Malaya secara khususnya. Beliau bukanlah sekadar seorang penuntut ilmu yang hanya mampu mempelajari sesuatu ilmu daripada guru kemudian menulis dan menghafalnya sahaja, bahkan beliau telah pergi jauh sehingga mampu untuk mencungkil dan mengorek segala permasalahan dan segala kepincangan dalam sesuatu bidang ilmu itu.

Atas sumbangan dan jasanya yang besar dalam bidang keagamaan dan persuratan, maka pada 5 Julai 1980 Allahuhyarham Syeikh Idris al-Marbawi telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Anugerah berkenaan dikurniakan oleh Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia ketika itu iaitu Tunku Jaafar Ibni al-Marhum Tuanku Abdul Rahman sempena konvesyennya.

Pada ketika itu, beliau berusia 86 tahun dan dicatatkan sebagai ulama yang sudah menghasilkan 21 buah karya Islam pelbagai aspek (Tajuddin Saman 1993 : 81). Manakala pada tahun 1987 bersamaan 1 Muhamarram 1408H, beliau ditabalkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan yang pertama berdasarkan sumbangan serta pengetahuan yang tinggi terhadap Islam di Nusantara, khususnya di Malaysia. Syeikh Mohd Idris al-Marbawi turut menerima hadiah wang tunai berjumlah RM 40,000 serta sebuah pingat dan sijil. Hadiah itu telah disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam satu upacara majlis sambutan Maal Hijrah di depan kira-kira 3000 orang para hadirin, termasuklah duta-duta dari negara Islam di Pusat Islam Kuala Lumpur.

Ketika menerima anugerah itu tokoh Maal Hijrah itu berumur 95 tahun. Sumbangannya itu menyebabkan namanya dikenang hingga ke hari ini. Nama beliau diabadikan disalah sebuah Kolej yang terdapat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kolej itu diberi nama Kolej Idris al-Marbawi. Sekolah pertama tempat beliau belajar dahulu juga mengambil sempena namanya iaitu Sekolah Kebangsaan Syeikh Mohd Idris Al-Marbawi. (Tajuddin Saman 1993 : 81).

Pada 19 April 1988, beliau telah dianugerahkan Pingat Ahli Mahkota Perak (AMP) oleh Sultan Perak, Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Yussuf Izzuddin Shah sempena hari keputeraan baginda. (http://ms.wikipedia.org/wiki/Syeikh_Idris_al-Marbawi)

Pada 28 Februari 2004 bersamaan 8 Muhamarram 1425 iaitu 15 tahun selepas pemergian beliau, kerajaan Perak menganugerahkan kepada Idris al-Marbawi Tokoh Anugerah Penulis Pentas Perak. Anak beliau, Ustazah Mariam telah mewakili beliau menerima anugerah tersebut daripada Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah. (Faisal Ahmad Shah 2013 : 38).

Kematian Idris Al-Marbawi

Kepada yang pernah belajar bahasa Arab dan secara khususnya menggunakan Kamus Al-Marbawi, tentunya mengenali tokoh ini. Dikenali juga sebagai ‘perintis kepada terjemahan bahan hadis’ daripada bahasa Arab, beliau sebenarnya adalah tokoh yang menterjemahkan hadis-hadis nabawi melalui karya Bahrul Mazi di tanah Malaya ini.

Beliau meninggal dunia tidak lama selepas menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah. Allahuhyarham telah meninggalkan seorang anak, tiga cucu dan lima cicit. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan orang-orang Islam di Kampung Lubuk Merbau iaitu bersebelahan dengan pusara isteri pertamanya Hajjah Khadijah bt. Mohd Edham. Namun pemergian beliau masih dikenang hingga kini, dan namanya sentiasa disebut oleh masyarakat Islam kini sama ada muda ataupun golongan tua. Ini kerana sumbangan yang besar dan terpenting yang disumbangkan oleh beliau yang mana telah menghasilkan *Kamus Al-Marbawi*.

Kamus ini terus dikenang dan digunakan oleh para pelajar dalam apa bentuk pengajian sama ada peringkat rendah mahupun tinggi dan dapat dilihat sehingga kini (Tajuddin Saman 1993 : 81).

PENUTUP

Secara kesimpulannya pendekatan dakwah yang diutarakan oleh Idris Al-Marbawi berpaksikan kepada konsep belajar dan mempelajari adalah sebagai teras utama kejayaan usaha-usaha dakwah beliau di tanah Malaya ini. Beberapa kaedah dakwah yang diperkenalkan oleh Idris Al-Marbawi seperti menterjemah karya ulama, pembukuan kamus, mengajar dan sebagainya telah banyak diguna pakai oleh pelbagai golongan agamawan di negara ini dalam rangka kerja menyampaikan dakwah kepada masyarakat.

Idris al-Marbawi merupakan seorang tokoh yang mempunyai keazaman yang tinggi dalam kehidupannya. Berkat kesungguhan dan tekadnya, beliau mampu menguasai ilmu yang dipelajari sekaligus memanfaatkannya untuk kepentingan ummah melalui hasil penulisan dalam pelbagai bidang. Antara sumbangan beliau yang utama ialah dalam bidang perkamusan di Nusantara iaitu Kamus al-Marbawi yang dihasilkan bagi memenuhi keperluan beliau dan para penuntut ilmu di Timur Tengah dalam usaha memahami kuliah dan pengajian, bahan rujukan serta komunikasi yang berdasarkan bahasa Arab. Ulama ini membuktikan kecekalan dan kegigihan beliau dalam memajukan pendidikan ummah sejagat.

BIODATA PENULIS:

Muhd Norazam bin Nordin adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

Mohamad Zulkifli Bin Abdul Ghani adalah pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fatimah Nadirah bt Mohd Noor adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

Azmi bin Budin adalah penyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

BIBLIOGRAFI

- Tajuddin Saman. 1993. *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- http://ms.wikipedia.org/wiki/Syeikh_Idris_al-Marbawi
- Faisal Ahmad Shah 2013. Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris Al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr al-Madhi. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Marbawi, Muhamad Idris Al-Marbawi, Bahr Al-Mazi, Maktabah Dar Al-Fikr.
- Al-Bayanuni, Muhamad Abul Al-Fath, Almadkhal Ilia Ilm Al-Dakwah, 2001, Maktabahmuassasah al- Risalah Beirut.